

35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SIM TONG HIM**
KAWASAN : **KOTA MELAKA**
TARIKH : **5 APRIL 2018**
NO. SOALAN : **23**

SOALAN

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan pelaburan asing dari Negara China ke negeri Melaka dari tahun 2008 hingga tahun ini :

- a) berikan jumlah pelaburan dan nama projek ; dan
- b) adakah ia antara Kerajaan dengan Kerajaan atau FDI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertanggungjawab mengenai pelaburan dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan. Jumlah keseluruhan pelaburan asing yang melibatkan negara Republik Rakyat China (RRC) di sektor perkilangan yang diluluskan sepanjang tempoh 7 tahun (2010 – 2017) adalah sebanyak 180 projek bernilai RM 22.0 bilion. Projek tersebut bakal menjana sebanyak 38,643 peluang pekerjaan di Malaysia.

2. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara RRC dalam sektor pembuatan berjumlah RM3.8 bilion. Pelaburan ini melibatkan 21 projek dan dijangka menjana 4,790 peluang pekerjaan. Sebahagian besar projek perkilangan yang diluluskan ini tertumpu dalam pembangunan industri produk logam asas, produk galian bukan mineral, elektrikal dan elektronik, peralatan pengangkutan serta tekstil dan produk tekstil.
3. RRC juga merupakan rakan dagang terbesar Malaysia bagi 9 tahun berturut-turut sejak 2009. Pada tahun 2017, perdagangan Malaysia dengan RRC bernilai RM290.65 bilion, mencatat pertumbuhan sebanyak 20.6%.
4. Jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan dari RRC ke negeri Melaka dalam sektor perkilangan dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah sebanyak RM1.3 bilion. Pelaburan ini melibatkan 4 projek dan dijangka akan menjana 988 peluang pekerjaan [embargo sehingga 6 Mac 2018].
5. Salah satu projek yang telah dilaksanakan adalah Xinyi Solar (M) Sdn. Bhd. yang telah membina kilang kaca di Lipat Kajang, Jasin, Melaka. Pelaburan Xinyi Solar di Melaka telah menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, selain turut membantu pertumbuhan sektor pengeluaran kaca.
6. Kesemua 4 projek perkilangan dari negara RRC ke negeri Melaka yang diluluskan dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah melibatkan pelaburan asing swasta. Projek-projek perkilangan tersebut bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan malah

31

akan memberi kesan limpahan ekonomi dalam sektor perkhidmatan di bandar-bandar yang berdekatan.

Sekian, terima kasih.

Tahun (2010 – 2017).

**Approved Manufacturing Projects With Participation From
China (2010 – 2017)**

Year	Number of Projects	Employment	Investment (RM) Million
2010	20	2,069	639.5
2011	20	3,481	1,194.2
2012	23	3,835	1,977.8
2013	22	3,660	3,017.7
2014	24	5,534	4,751.7
2015	17	5,127	1,872.0
2016	33	10,147	4,774.8
2017	21	4,790	3,854.5
TOTAL	180	38,643	22,082.2

Nota : Data Jumlah Pelaburan Asing dari Negara China, Januari – Disember 2017 adalah Embargo sehingga 6 Mac 2018.